



SIARAN MEDIA
MAJLIS PENYERAHAN DERMA KEPADA MURID DAN PELATIH PUSAT BAHAGIA SEMPERA HARI
RAYA AIDIL FITRI
DAN
PENYAMPAIAN DERMA KEPADA TABUNG ANAK-ANAK YATIM

Bandar Seri Begawan, Selasa 5 Jun 2018 – Satu majlis penyerahan derma daripada pelbagai kumpulan telah diadakan hari ini di Tingkat 8, Pejabat Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Jabatan Pembangunan Masyarakat telah menerima sumbangan hasil kutipan daripada kumpulan isteri-isteri Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-Ahli Bersekutu untuk murid dan pelatih Pusat Bahagia sempena sambutan Hari Raya Aidil Fitri.

Hadir bagi menyampaikan derma sejumlah \$5,000.00 tersebut ialah Yang Mulia Datin Hajah Norhaidah binti Haji Sulaiman, Yang Mulia Datin Hajah Norhayana Janis binti Abdullah, Yang Mulia Datin Hajah Jama'iah binti Haji Abdul Manaf, Yang Mulia Dayang Normah binti Ahmad, Yang Mulia Dayang Hajah Honeyta binti Haji Mustapha, dan Yang Mulia Pengiran Hajah Noor Yashimah binti Pengerian Anak Haji Hashim kepada Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan penyerahan kutipan derma daripada bekas-bekas penuntut aliran sains dan sastera daripada Sekolah Menengah Sufri Bolkia tahun 1979-1981 berjumlah \$2,070.00 untuk disumbangkan kepada Tabung Anak-Anak Yatim.

Penyerahan kutipan derma itu disampaikan oleh dua orang ahli kumpulan tersebut iaitu Awang Haji Mohd Soffi bin Orang Kaya Seri Wijaya Haji Abdullah dan Awang Haji Basuni bin Haji Ashaari selaku Bendahari kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Penyerahan ketiga adalah hasil kutipan derma sejumlah \$3,500.00 kepada Tabung Anak-anak Yatim diserahkan daripada LS & A Sdn Bhd yang disampaikan oleh Kol (B) Haji Mohd Ali bin Haji Yahya kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir menyaksikan pada majlis ini ialah Yang Mulia Datin Paduka Dr Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan dan Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd Tahir, Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat serta Pegawai-Pegawai Kanan di Jabatan Pembangunan Masyarakat.

##Tamat##

Dikeluarkan Oleh:
Unit Perhubungan Awam
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
Tarikh: 20 Ramadhan 1439 / 05 Jun 2018